

بَابُ حَكِّ الْبَرَأَقِ بِالْيَدِ مِنَ الْمَسْجِدِ

6- Bab Menanggalkan Ludah Dari Masjid Dengan Tangan.⁵³⁴

⁵³⁴ Daripada awal Bab Menghadap Qiblat hingga bab 5 sebelum ini Bukhari memperkatakan tentang qiblat dan apa-apa yang berkaitan dengannya. Oleh kerana masjid adalah tempat khusus untuk sembahyang dan qiblat pula adalah perkara yang mesti diambil kira dalam pembinaan sesebuah masjid, maka Bukhari meneruskan pula perbincangan tentang masjid. Lima puluh lima bab seterusnya bermula daripada bab 6 ini hingga ke Bab Sutra semuanya adalah berkenaan dengan masjid. Bab 6 bertajuk: "Menanggalkan Ludah Dari Masjid Dengan Tangan", merupakan yang pertama daripada lima puluh lima bab itu. Secara kasarnya ia dapat dibahagikan kepada dua bahagian. **Pertama:** Tentang perkara-perkara yang dikira salah atau tidak beradab dilakukan di dalam masjid. **Kedua:** Perkara-perkara yang boleh dan harus dilakukan di dalamnya. Memandangkan banyak sekali terdapat teguran-teguran keras dan ancaman-ancaman daripada Rasulullah s.a.w. dan para sahabat utama baginda terhadap orang-orang yang melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak sesuai di dalam masjid, lebih-lebih lagi dirasakan perlu kita mengetahui apa yang harus dan apa yang tidak harus dilakukan semasa kita berada di dalamnya. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: *من سمع رجلا يتشد ضالة في المسجد من سمع رجلا يتشد ضالة في المسجد فليقل لا ردها الله عليك فإن المساجد لم تبن لهذا* Bermaksud: Sesiapa mendengar (kebisingan) orang yang heboh mencari barangnya yang hilang di masjid, dia hendaklah berkata (sebagai doa): "Semoga Allah tidak mengembalikannya kepadamu." Sesungguhnya masjid-masjid itu tidak dibangunkan untuk (maksud) ini. (Muslim, Abu Daud, Ahmad, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah dan lain-lain). Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda: *بيعت صاحب النخامة في القبلة يوم القيامة وهي في وجهه* Bermaksud: Orang yang mengahak ke arah qiblat (di dalam masjid) akan dibangkitkan pada hari kiamat nanti dalam keadaan kahaknya itu berada di mukanya. (Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan dan al-Bazzaar). Pernah sayyidina 'Umar melihat dua orang lelaki sedang bercakap dengan suara yang tinggi di dalam masjid Nabi s.a.w. Beliau terus berkata: *لو كنتم من أهل هذا البلد لأوجعتكما ضرباً* Bermaksud: Kalau kamu penduduk di sini, tentu aku belash kamu. (Bukhari, Baihaqi). Tiga contoh ini sudah cukup untuk menjustifikasikan tindakan Bukhari mengadakan sekian banyak bab tentang masjid. Di dalam tajuk bab di atas Imam Bukhari menambahkan perkataan "Dengan Tangan", padahal hadits di bawahnya yang dengan jelas menyebutkan dengan tangan hanya satu sahaja iaitu hadits no:390. Apakah maksud beliau dengan perkataan itu? Apakah seseorang dikehendaki menanggalkan ludah di dinding masjid misalnya secara langsung dengan tangannya? Atau dengan kata lain apakah perkataan itu bererti qaid ihtiraazi (قيد احترازي)? Ada beberapa pendapat 'ulama' berhubung dengan maksud Bukhari menambahkan perkataan ini. Antara lainnya ialah: (1) Hafiz Ibnu Hajar berpendapat perkataan "Dengan Tangan" di dalam tajuk bab ini bukan qaid ihtiraazi. Seseorang boleh menanggalkan ludah di masjid secara langsung dengan tangan atau lain-lain anggotanya atau dengan apa-apa benda (alat) sekalipun. Oleh kerana tangan merupakan anggota utama untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan sempurna maka disebutkan tangan secara khusus. (2) Al-Isma'ili berpendapat perkataan "Dengan Tangan" bererti melakukan sendiri perbuatan menanggalkan ludah itu, bukan dengan menyuruh orang itu dan orang ini. Ia sama sekali tidak bererti menyentuh ludah dengan tangan untuk menanggalkannya, kerana ia adalah sesuatu yang tidak munasabah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan tidak munasabah juga Baginda s.a.w. menyuruh orang lain melakukannya. Justeru tersebut dengan jelas di dalam hadits yang diriwayatkan oleh Muslim, Abu Daud, Baihaqi, Ibnu Hibbaan dan lain-lain bahawa *فحكها بالرجون* (maka Rasulullah s.a.w. menanggalkannya dengan tandan pokok kurma). (3) Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kasymiri menjelaskan bahawa kadang-kadang Bukhari tidak memaksudkan sangat sesuatu bab yang dibuatnya kerana bab-bab itu ma'na dan maksudnya lebih kurang sama saja. Tetapi apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah riwayat-riwayat atau hadits-hadits yang dikemukakan di bawah bab-bab itu. Maka beliau sering kali membina sesuatu bab dengan mengambil kira kepelbagaian lafaz-lafaz hadits semata-mata. Tafannun seperti ini dilakukan oleh Bukhari pada banyak tempat di dalam kitab Sahihnya termasuk di dalam beberapa bab tentang masjid yang sedang dibicarakan ini. Tujuan kesemuanya sama iaitu menghilangkan perkara-perkara yang menjijikkan dari masjid walaupun ia tidak najis. Apa lagi kalau benda-benda yang terdapat di masjid itu memang najis. (4) Pandangan Syekhul hadits Maulana Muhammad Zakariya tentang bab ini dan bab selepasnya ialah Bukhari mahu membezakan di antara buzaaq (air ludah) dan mukhaath (hingus). Untuk menghilangkan air ludah, tangan sahaja sudah memadai tetapi untuk menghilangkan hingus, tangan sahaja tidak memadai. Oleh kerana hingus atau kahak lebih melekit sifatnya maka untuk menghilangkannya diperlukan sesuatu yang kasap seperti anak batu. (5) Pada pandangan penulis maksud Bukhari mengadakan bab-bab khusus tentang air ludah, hingus, kahak dan gelema di dalam masjid ialah untuk menyatakan bahawa walaupun benda-benda ini tidak najis tetapi ia adalah menjijikkan dan tidak sesuai dilontarkan sembarangan di dalam masjid terutamanya di sebelah qiblat. Secara isyaratnya ia juga boleh bererti meludah, berkahak, menyapu hingus ke dinding-dinding rumah, sekolah, pejabat atau tempat-tempat awam yang lain adalah suatu perbuatan yang tidak

٣٩٠ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ جَعْفَرٍ عَنْ حُمَيْدٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى نُحَامَةً فِي الْقِبْلَةِ فَشَقَّ ذَلِكَ عَلَيْهِ حَتَّى رُئِيَ فِي وَجْهِهِ فَقَامَ فَحَكَهُ بِيَدِهِ فَقَالَ إِنْ أَحَدَكُمْ إِذَا قَامَ فِي صَلَاتِهِ فَإِنَّهُ يُنَاجِي رَبَّهُ أَوْ إِنْ رَبَّهُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ فَلَا يَزُقُّ أَحَدُكُمْ قِيلَ قِبْلَتِهِ وَلَكِنْ عَنْ يَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمَيْهِ ثُمَّ أَخَذَ طَرَفَ رِدَائِهِ فَبَصَقَ فِيهِ ثُمَّ رَدَّ بَعْضَهُ عَلَى بَعْضٍ فَقَالَ أَوْ يَفْعَلُ هَكَذَا

390- Qutaibah meriwayatkan kepada kami, katanya: Ismail bin Ja'far meriwayatkan kepada kami daripada Humaid daripada Anas bin Malik bahawa Nabi s.a.w. pernah ternampak kahak di (dinding) sebelah qiblat. Baginda s.a.w. sangat tidak senang hati dengannya sehingga ia kelihatan pada wajahnya.⁵³⁵ Nabi s.a.w. terus bangkit lalu menanggalkannya dengan tangan seraya bersabda: "Seseorang daripada kamu apabila bangkit bersembahyang, sebetulnya dia sedang berbicara dengan Tuhannya atau sebetulnya Tuhannya sedang berada di antaranya dan qiblatnya."⁵³⁶ Oleh itu

senonoh dan ia merupakan tabi'at orang-orang pengotor. Selain itu benda-benda ini juga mungkin merupakan agen penularan pelbagai penyakit. Kerana itulah Nabi s.a.w. sendiri tampil dengan penuh kemarahan di samping mencegah dan mengajukan beberapa cara untuk menghilangkannya. Maka adalah wajar sekali perbuatan seperti ini dijauhi oleh kita umat Islam.

⁵³⁵ Di dalam riwayat Nasaa'i, Baihaqi dan Ibnu Majah daripada Anas tersebut: (maka marahlah Nabi s.a.w. sehingga merah padam mukanya). Di dalam riwayat Baihaqi, Darimi dan Imam Bukhari sendiri di tempat yang lain daripada Ibnu 'Umar pula tersebut dengan lafaz: فَتَغِيطُ عَلَى أَهْلِ الْمَسْجِدِ (maka marahlah Baginda s.a.w. kepada orang-orang di masjid itu).

⁵³⁶ Demikianlah tersebut di dalam nuskah kebanyakan perawi Sahih Bukhari dengan syak menggunakan perkataan أو sebelum وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ. Ini juga akan tersebut nanti di dalam hadits no:400 di bawah bab kedua belas. Di dalam nuskah al-Mustamli dan al-Hamawi pula bukan أو yang tersebut di sini tetapi و. Dlm menjelaskan maksud sabda Nabi s.a.w. ini para 'ulama' telah memberikan pandangan masing-masing. Antara lainnya ialah: (1) Bagi Hafiz Badaruddin al-'Aini, sabda Nabi s.a.w. ini termasuk dalam bab tasybih (menurut ilmu Balaghah). Taqdirnya ialah إِنَّ رَبَّهُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ Bermaksud: Seolah-olah Tuhannya sedang berada di antaranya dan qiblatnya. Artinya ialah Rasulullah s.a.w. mentasybihkan (membandingkan/mengumpamakan) penumpuan seseorang hamba kepada Allah dalam keadaan penuh khusyu' dan merendah diri ketika bersembahyang, apabila dia membaca ayat-ayat al-Qur'an, berzikir, memohon rahmat, belas kasihan dan penyingkapan rahsia-rahsia kehidupan daripadanya. Ketika itu Allah seolah-olah benar-benar berada di hadapannya. Sabda Nabi s.a.w. ini tidak boleh dipakai mengikut zahimnya, kerana maha suci Allah daripada mengambil tempat dan ruang. Oleh itu ia hendaklah dipakai sebagai tasybih (menurut ilmu Balaghah). (2) Al-Khatthaabi dan Ibnu Rajab berpendapat, maksud sabda Nabi s.a.w. bahawa "Tuhannya sedang berada di antaranya dan qiblatnya" ialah apabila seseorang berdiri untuk bersembahyang maka sudah tentu dia akan menghadap ke arah qiblat dengan maksud menghampirkan diri kepada Allah. Orang yang bersembahyang dilarang meludah ke arah qiblat tidak kerana lain melainkan kerana maksud dan tujuannya bersembahyang berada di antaranya dan qiblatnya, iaitu kehampiran Allah dengannya. Hakikat bahawa Allah berada hampir dengan orang yang bersembahyang dapat dilihat umpamanya di dalam ayat terakhir surah al-'Alaq ini: وَاقْتَرِبَ لا تَطْغى وَاَسْجُدْ وَاقْتَرِبَ Bermaksud: Ingat! janganlah engkau (wahai Muhammad) menurut kehendaknya, sebaliknya bersujudlah (bersembahyanglah) dan hampirkanlah dirimu (kepada Allah). (Al-'Alaq:19).

(3) Hafiz Ibnu Hajar mengatakan, bicara daripada pihak hamba yang bersembahyang adalah suatu hakikat (kerana dia yang membaca al-Qur'an, berdoa dan sebagainya), sementara bicara daripada pihak Allah pula merupakan majaz (bahasa kiasan). Ia bererti apa yang mesti berlaku hasil daripada Allah berbicara dan bercakap-cakap dengan hambanya. Apa yang mesti berlaku ialah Allah merahmati dan meredhainya. (4) Sesetengah 'ulama' berpendapat, sabda Rasulullah s.a.w. ini menggunakan bahasa kiasan dalam bentuk buang (مجاز الحذف). Taqdirnya ialah إِنَّ عِظَمَ رَبِّهِ أَوْ ثَوَابَ رَبِّهِ أَوْ رَحْمَةَ رَبِّهِ Bermaksud: Sesungguhnya kebesaran tuhanNya atau pahala tuhanNya atau rahmat tuhanNya sedang berada di antaranya dan qiblatnya. Ada sokongan untuk pendapat ini daripada hadits yang lain iaitu hadits yang diriwayatkan oleh Abu Zarr bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: إِذَا قَامَ أَحَدُكُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَإِنَّ الرَّحْمَةَ تَوَاجِهُهُ فَلَا يَسْخُ الحَصَى Bermaksud: Apabila seseorang daripada kamu berdiri mengerjakan sembahyang, maka (pada ketika itu) rahmat Allah berada di hadapannya.

janganlah sekali-kali seseorang daripada kamu meludah ke arah qiblat, tetapi hendaklah dia meludah ke sebelah kirinya atau ke bawah tapak kakinya.”⁵³⁷ Kemudian Nabi s.a.w. mengambil hujung kainnya lalu meludah ke dalamnya dan melipatnya sambil baginda bersabda: “...atau hendaklah dia melakukan begini.”⁵³⁸

Oleh itu janganlah dia menyapu anak batu. (Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Tarmizi, Ibnu Majah, Darimi dan lain-lain). (5) Maulana Anwar Syah al-Kasymiri mengatakan, sabda Nabi s.a.w. ini bermaksud menyatakan semacam tajalli sifat Allah akan berada di antara seseorang yang bersembahyang dan qiblatnya. Maka tidak patutlah seseorang yang bersembahyang itu meludah ke arah qiblat. (6) Al-Muhallab dan Ibnu 'Abdil Barr berpendapat, tujuan Rasulullah s.a.w. bersabda begini ialah untuk menyatakan kemuliaan qiblat dan keistimewaan di sisi Allah. (7) Ahlul Hadits dan kebanyakan 'ulama' Hanaabilah menerima (mengitsbatkan) segala apa yang tersebut tentang Allah di dalam nas-nas yang sahih seperti hadits di atas sebagai sifat Allah tetapi mereka menyerahkan hakikatnya kepada Allah tanpa sebarang ta'wilan dan tanpa menyerupakannya dengan makhluk. Mereka hanya mengatakan kalau hadits sudah menyebutkan “Tuhannya sedang berada di antaranya dan qiblatnya”, maka semestinya diterima bahawa Allah memang berada di hadapannya, tetapi dalam keberadaan yang layak denganNya. Kalau nas menyebutkan Allah bersemayam di atas 'Arasy, maka semestinya diterima bahawa Allah memang bersemayam di atasnya tetapi dalam persemayaman yang layak denganNya dan ia merupakan satu sifat Allah yang wajib kita imani, sesuai dengan kebesaran Allah dan kesucianNya. Hafiz Ibnu Hajar menulis bahawa Puak Jahmiyyah dan segolongan Mu'tazilah menyimpulkan daripada hadits ini satu ajaran mereka yang penting iaitu zat dan diri Allah berada di setiap tempat atau zat Allah ada di mana-mana saja. Kerana itu Rasulullah s.a.w. melarang daripada meludah ke arah qiblat. Padahal hadits ini sendiri merobohkan asas pegangan mereka. Kerana bukannya selepas melarang orang yang sedang bersembahyang meludah ke arah qiblat, Rasulullah s.a.w. menyuruhnya jika mahu meludah juga, supaya meludah ke sebelah kirinya atau ke bawah tapak kakinya? Kalaulah zat Allah memang berada di setiap tempat atau zat Allah ada di mana-mana saja tentulah Nabi s.a.w. tidak menganjurkan begitu. Hadits ini juga menolak da'waan sesetengah kalangan yang mengatakan zat Allah atau Allah dengan zatNya berada di atas 'Arasy. Biar apa pun alasan dan ta'wilan yang dibawa untuk menyelesaikan kenyataan bahawa Allah bersemayam di atas 'Arasy, ia (alasan dan ta'wilan itu) juga boleh dibawa untuk menyelesaikan kenyataan bahawa “Tuhannya sedang berada di antaranya dan qiblatnya” yang tersebut di dalam hadits di atas.

⁵³⁷ Anjuran ini tidak diberikan kepada orang-orang yang bersembahyang di masjid-masjid yang lantainya beralaskan tikar, permaidani atau berjubin. Ia hanya sesuai untuk orang-orang yang bersembahyang di masjid yang alas lantainya tidak lebih daripada pasir atau benda-benda lain seumpamanya. Sesetengah 'ulama' antaranya ialah Imam an-Nawawi, berpendapat anjuran ini hanya untuk orang yang berada di luar sembahyang dan di luar masjid sahaja.

⁵³⁸ Jika seseorang terdesak meludah atau berkahak ketika sedang bersembahyang di masjid yang beralaskan tikar, permaidani, berjubin dan sebagainya, dia dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. supaya melakukan seperti yang ditunjukkan oleh Baginda s.a.w. di dalam hadits di atas dengan meludah ke dalam sapu tangan misalnya atau kalau itu pun tiada, maka hujung kain juga boleh digunakan untuk menampung air ludah. Adapun meludah ke lantai sama ada ke sebelah kiri atau ke bawah tapak kaki maka ia adalah tidak sesuai dan tidak patut dilakukan apalagi kalau meludah ke dinding atau ke arah qiblat. **Antara pengajaran dan panduan** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Masjid mestilah dihormati dengan memeliharanya daripada benda-benda yang menjijikkan walaupun bukan najis. Memelihara masjid daripada najis dan segala macam kekotoran dengan menghilangkannya atau membersihkannya lebih-lebih lagilah dituntut. (2) Arah qiblat mestilah dihormati dan dimuliakan. (3) Menghilangkan air ludah, hingus dan lain-lain kekotoran daripada masjid dengan apa cara sekalipun. (4) Andai kata seseorang terpaksa atau terdorong meludah ketika sedang bersembahyang di dalam masjid yang berlantakan pasir atau anak-anak batu, dia dikehendaki meludah ke sebelah kirinya jika tiada orang di sebelah kirinya. Tetapi kalau di sebelah kirinya ada orang, maka dia hendaklah meludah ke bawah tapak kaki. Cara yang terbaik untuk mengatasi keadaan terdesak ini ialah dengan meludah ke dalam sapu tangan. Bagaimanapun dia sama sekali tidak dibenarkan meludah ke arah qiblat kerana menjaga kehormatan qiblat itu sendiri atau ke sebelah kanannya kerana menghormati malaikat rahmat yang berada di sebelah kanannya. (5) Air ludah tidak najis. Ini adalah sesuatu yang telah disepakati para 'ulama' kecuali Ibrahim an-Nakha'i kerana beliau dikatakan berpendapat air ludah najis. Antara dalil air ludah tidak najis ialah Nabi s.a.w. sendiri telah meludah ke dalam kainnya. Baginda s.a.w. sama sekali tidak akan sengaja mengotorkan kain dengan sesuatu yang najis. (6) Kata al-Qurthubi: “Hadits ini menunjukkan haram meludah ke arah qiblat. Menimbuskan air ludah dengan pasir dan sebagainya tidak memadai untuk menghilangkan keharamannya.” (7) Meludah ketika sedang bersembahyang walaupun terlarang

٣٩١ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ نَافِعٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى بُصَاقًا فِي جِدَارِ الْقِبْلَةِ فَحَكَّهُ ثُمَّ أَقْبَلَ عَلَى النَّاسِ فَقَالَ إِذَا كَانَ أَحَدُكُمْ يُصَلِّي فَلَا يَبْصُقْ قِبَلَ وَجْهِهِ فَإِنَّ اللَّهَ قِبَلَ وَجْهِهِ إِذَا صَلَّى

391- `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Naafi` daripada `Abdillah bin `Umar bahawa pernah Rasulullah s.a.w. ternampak ludah di dinding qiblat.⁵³⁹ Maka baginda menanggalkannya kemudian menghadap ke arah orang ramai lalu bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu sedang bersembahyang, tidak bolehlah dia meludah ke hadapan, kerana Allah s.w.t berada di hadapannya apabila dia bersembahyang.”⁵⁴⁰

٣٩٢ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى فِي جِدَارِ الْقِبْلَةِ مُخَاطًا أَوْ بُصَاقًا أَوْ نُخَامَةً فَحَكَّهُ

392- `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam bin `Urwah daripada ayahnya daripada `Aaisyah Ummil Mu`minin bahawa Rasulullah s.a.w. pernah nampak hingus atau air ludah atau kahak di dinding (sebelah) qiblat, maka baginda s.a.w. menanggalkannya.⁵⁴¹

tetapi ia tidaklah membatalkan sembahyang. (8) Keharusan menampakkan rasa tidak senang hati kepada anak buah atau pengikut kerana perbuatannya yang tidak senonoh. (9) Sikap merendah diri Nabi s.a.w. yang perlu sekali dicontohi setiap pemimpin. (10) Kedudukan orang yang bersembahyang begitu istimewa di sisi Allah sehingga Rasulullah s.a.w. mengatakan “Tuhannya berada di antaranya dan qiblatnya”. (11) Kelebihan mengajar secara praktikal dan visual. (12) Kelebihan sebelah kanan daripada sebelah kiri.

⁵³⁹ Di dalam riwayat al-Mustamli tersebut di dinding masjid bukan di dinding qiblat. Di dalam riwayat Bukhari sendiri di akhir bab sembahyang tersebut di (sebelah) qiblat masjid, dengan tambahan “kemudian Baginda s.a.w. turun lalu menanggalkannya dengan tangannya”. Riwayat ini mengisyratkan Rasulullah s.a.w. turun dari mimbarinya. Di dalam riwayat Isma`ili melalui saluran riwayat (thariq) guru Bukhari tersebut dengan jelas perihal Rasulullah s.a.w. sedang berucap lalu Baginda s.a.w. turun dari mimbarinya, dengan sedikit tambahan iaitu kata Ibnu `Umar, saya rasa Baginda s.a.w. ada meminta za`faran lalu melumurkannya di dinding yang terkena kahak itu selepas menanggalkannya. Demikian juga diriwayatkan oleh Abu Daud di dl Sunannya.

⁵⁴⁰ Hadits ini juga sama maksudnya dengan hadits no:390 sebelum ini. Oleh itu ia perlu dilihat dari perspektif yang telah diberikan di bawahnya.

⁵⁴¹ Perbezaan di antara perkataan براق dan بزاق. بخامة dan نخامة، مخاط، بواق، بزاق sama ertinya iaitu air ludah. مخاط ialah hingus. نخامة ialah lendir atau kahak yang keluar daripada dada. Sesetengah `ulama` mengatakan yang keluar daripada kepala. بخامة pula ialah lendir atau kahak yang keluar daripada kepala. Sesetengah `ulama` mengatakan yang keluar daripada dada.